



# بريتا BERITA PKINK

فَرِيدَانِن كَمَا جَوَارِنَا قَضَائِن كَلَنْتِن

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 6/2008 . Nov-Dis 2008

www.pkink.gov.my

edaran percuma

## HAJI MOHD SABRI ABDULLAH KETUA EKSEKUTIF PKINK YANG BARU

**Kota Bharu, 1 Disember 2008.** Haji Mohd Sabri bin Abdullah telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), bagi menggantikan Haji Wan Yahya bin Wan Salleh berkuatkuasa mulai 1 Disember 2008. Sebelum ini beliau merupakan Pengurus Besar Permodalan Kelantan Berhad (PKB), anak syarikat PKINK.

Surat penyerahan dan terima tugas telah disampaikan sendiri oleh Haji Wan Yahya Wan Salleh kepada Haji Mohd Sabri dalam satu majlis ringkas yang diadakan di Perdana Resort, dengan disaksikan YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, yang juga Pengerusi PKINK.

Haji Mohd Sabri merupakan anak kelahiran Kota Bharu, berusia 55 tahun, mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Sultan Ismail Petra sebelum melanjutkan pengajiannya ke Kolej Sultan Abdul Halim, Jitra Kedah pada tahun 1970-1971. Kelulusan tertinggi, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Universiti Northrop, California, dalam Bidang Kewangan pada tahun 1983 hingga 1984.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Cawangan BBMB Dungun, dari tahun 1987 hingga 1990. Selain itu juga beliau pernah bertugas sebagai Pengurus Cawangan Bank Bumiputera Sdn Bhd, Kuala Lipis, Pahang pada tahun 1991 hingga 1992. Beliau mula berkhidmat dengan Kumpulan PKINK pada tahun 1992 sebagai Pengurus Kanan PKB, dan pada tahun 2002 beliau mula memegang jawatan sebagai Pengurus Besar PKB.

Dalam ucapan ringkas pada majlis tersebut, Haji Mohd Sabri mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri, khususnya Menteri Besar, YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, kerana memberi kepercayaan kepadanya memikul amanah besar itu. Beliau akan menjaga amanah tersebut sebaik mungkin bagi meneruskan program dan perancangan mengikut moto kerajaan negeri "Membangun Bersama Islam".



## SIDANG EDITOR

PENAUNG  
Haji Wan Yahya Wan Salleh

PENASIHAT  
Haji Wan Adnan Wan Ab.Kadir

KETUA EDITOR  
En. Ahmad Nazri bin Ismail

EDITOR  
En.Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR  
Tengku Petra Tengku Wook

PENGARANG  
Pn.Sofia Aizan Che Soh  
Pn.Zakiah Mohamed  
Pn. Hawa M. Salleh

JURUFOTO  
Tengku Petra Tengku Wook



### PERCETAKAN

ATH MARKETING SDN.BHD.  
219712 K  
D-13, Jalan Bayam,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7440955 Fax:09-7472415  
email: athmarketing@yahoo.com



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

### BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan Darulnaim.  
tel:09-7414141 fax:09-7414140/7414069

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

## Dari Meja Ketua Editor

Alhamdulillah sama - sama kita panjatkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Ilahi Rabbi di atas limpahan rahmat yang berterusan dan segala nikmat yang dikurniakan untuk kita kecapi dan kita dapat bersua kembali dalam Berita PKINK Bilangan 6/2008.

Bagi pihak warga kerja Kumpulan PKINK mengambil kesempatan untuk mengucapkan salam perpisahan dan selamat maju jaya kepada Tuan Haji Wan Yahya Bin Wan Salleh, mantan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK yang telah menamatkan perkhidmatan di PKINK pada 30 November 2008. Bagi warga kumpulan PKINK kami merasakan satu kehilangan kerana selama mencurahkan bakti sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan, Tuan Haji Wan Yahya telah banyak jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan. Tiada apa yang dapat kami berikan selain dari ucapan terima kasih dan janji meneruskan segala perancangan yang telah beliau aturkan.

Patah tumbuh hilang berganti, begitu juga kami warga Kumpulan PKINK mengucapkan selamat datang kepada Tuan Haji Mohd Sabri Bin Abdullah, Ketua Eksekutif Kumpulan yang mernggantikan Tuan Haji Wan Yahya berkuatkuasa 1 Disember 2008. Tuan Haji Mohd Sabri bukanlah orang baru dalam Kumpulan PKINK. Sebelum ini beliau merupakan Pengurus Besar Permodalan Kelantan Berhad (PKB) syarikat Anak dalam Kumpulan PKINK. Semoga pengalaman beliau di syarikat anak kumpulan PKINK akan mampu melonjakkan lagi Kumpulan PKINK sebagai agensi penggerak utama ekonomi Negeri Kelantan.

Lain padang lain belalang begitu juga manusia, lain orang lainlah caranya. Bagi kami warga Kumpulan PKINK amat berharap dengan kepimpinan baru ini setiap misi dan visi dapat diterjemahkan ke arah satu matlamat yang satu iaitu untuk memastikan supaya PKINK menjadi Penggerak Pembangunan Ummah.

## MEMBANGUN BERSAMA ISLAM...

# MAJLIS PELANCARAN PEMASARAN DARULNAIM AUTOCITY



Antara jemputan yang hadir termasuk pihak media



Wan Yahya Wan Salleh Ketua Eksekutif PKINK bersama Mohd Sabri yang akan menggantikan beliau bermula 1 Disember 2008




Peralatan moden disediakan dengan dikendalikan pengusaha yang berkecayaan

Kota Bharu - 26 November 2008, Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah merasmikan majlis Pelancaran Pemasaran Darulnaim Autocity, yang terletak di atas tanah seluas 2.5 ekar milik PKINK di Pengkalan Chepa, berhampiran Puspakom.

Konsep 'one stop service' yang diperkenalkan ini adalah merupakan yang pertama di Kelantan. Pusat ini menyediakan perkhidmatan termasuk servis hawa dingin kenderaan, mekanikal, ekzos, mengecat, ketuk bodi dan kedai tayar yang dilengkapi peralatan moden dan dikendalikan oleh pengusaha berkecayaan.

Projek ini adalah bertujuan untuk melahirkan usahawan Bumiputera dalam bidang otomobil yang setanding dengan pengusaha bukan Bumiputera, terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap, berkualiti dan moden.



Wan Yahya dalam ucapannya menekankan perlunya kerjasama pihak media untuk mempromosikan Darulnaim Autocity

# MAJLIS SOLAT HAJAT TAMAN KURNIA JAYA FASA 5A

Kota Bharu, 23 Disember 2008 - Profil Impian PKINK Sdn Bhd memulakan projek terbarunya di Taman Kurnia Jaya, Pengkalan Chepa, iaitu projek pembangunan Taman Kurnia Jaya Fasa 5A yang memajukan 50 unit rumah teres 2 tingkat.

Bagi melancarkan perjalanan projek ini, satu majlis solat hajat di tapak projek perumahan tersebut telah diadakan, dimana para jemputan yang hadir terdiri dari ahli-ahli Lembaga Pengarah Profil Impian Sdn. Bhd., pengurusan PKINK dan anggota Binaraya PKINK Sdn Bhd. Majlis bermula jam 9.30 pagi. Sebagai tanda permulaan projek, satu simbolik pecah tanah oleh YABrs. Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah Ketua Eksekutif PKINK telah disempurnakan pada hari tersebut.



Solat hajat diimamkan Ustaz AB. Aziz dari Pondok Tampar.



Antara tetamu yang hadir.



Ketua Eksekutif PKINK melaksanakan acara pecah tanah projek.

## TUNTUTAN KORBAN DALAM ISLAM

Sempena menyambut Hari Raya Korban, satu tazkirah bertajuk Tuntutan Korban Dalam Islam telah dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada 20 Disember 2008 di bangunan PKINK.

Penceramah jemputan ialah Ybhg. Dato' Haji Tuan Ibrahim Tuan Man dari Jengka, Pahang. Dalam tazkirah tersebut beliau menyentuh tentang ibadat korban, adalah merupakan ibadat pertama yang difardhukan oleh Allah s.w.t. sebelum ibadat-ibadat lain, ianya juga dianggap satu ibadat yang mencetuskan konflik manusia melalui pengorbanan.

Korban yang diterima mestilah:

- Korban dilakukan dengan cara Islam
- Dilaksanakan atas perintah Allah s.w.t.
- Mengaitkan soal akidah dari Allah s.w.t.
- Yakin pada diri dan Allah s.w.t. berdasarkan pandangan mata, ilmu dan berserah kepada Allah s.w.t.
- Rasa dekat kepada Allah s.w.t.

\* Allah s.w.t. menyuruh semua umat manusia berkorban.



Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man



Penceramah bersama bakal Ketua Eksekutif PKINK

### INFO SIHAT

Tahukah anda, bahawa buah limau yang mempunyai rasa masam manis itu adalah terkenal kaya dengan vitamin C, yang merangsang pembentukan kolagen yang berfungsi sebagai anti oksida yang berkhasiat melumpuhkan radikal bebas penyebab penuaan selain turut berguna untuk mencegah katarak.




# PKINK TUBUH PUSAT PENGELUARAN MAKANAN HALAL (HALAL HUB)

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengubahsuai deretan bangunan kilang di Pengkalan Chepa II untuk dijadikan pusat pengeluaran makanan halal berasaskan roti. Mendapat peruntukan kerajaan pusat sebanyak RM10.7 juta bagi Rancangan Malaysia Kesembilan, PKINK akan menjadikan kawasan perindustrian Pengkalan Chepa II itu sebagai pusat pengeluaran puri, jus, kerepek ubi dan pisang serta sos. Manakala makanan berasaskan roti akan menghasilkan roti dan kek. Bagi makanan sejuk beku pula produk yang dikeluarkan ialah karipap, pau, roti canai, donut dan murtabak.

Bagi memenuhi keperluan itu, sebanyak sembilan pengusaha dipilih sebagai projek perintis produk halal tersebut. Pengusaha terbabit ialah Heritage Dynamic (M) Sdn Bhd mengeluarkan

produk bes dan kordial, X-tra One Food Industries Sdn Bhd (puri), C.T Fabulous Sdn Bhd (salsa sos), Mix Green Sdn Bhd (kerepek pisang dan ubi), HR Food Industries Sdn Bhd (pau), Al-Baitif Food Marketing (karipap & sardin roll), Raja Zahirah Raja Zakaria (murtabak), Ikatan Ideal Sdn Bhd (roti canai dan preaded potato) serta Mohd Sabri Bakery (M) Confectionery Sdn Bhd (roti dan kek). Pengusaha-pengusaha yang dipilih merupakan usahawan yang mengeluarkan produk secara kecil-kecilan di kampung dan mereka akan dibimbing oleh PKINK.

Selain membimbing, PKINK akan memantau dan menyelia perniagaan tersebut, disamping membantu mereka mendapatkan modal pinjaman daripada bank. Pengusaha tersebut hanya dikenakan sewa kilang dengan kadar minima iaitu 35 sen sekaki persegi.



Produk roti



Wan Yahya membuat sidang akhbar selepas lawatan



Produk pengeluaran puri masih dalam proses

**PKINK 5**




Produk roti telah berjalan sepenuhnya

## AMALAN KERJA PERSEKITARAN BERKUALITI 5S PERINGKAT PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



Pelancaran program 5S peringkat PKINK oleh Ketua Eksekutif pada 29 Julai 2008



Gotong royong perdana di rasmikan Ketua Eksekutif pada 9 Ogos 2008



Saguhati kepada pemenang peraduan mencipta logo 5S PKINK pada 6 September 2008



Lawatan pertama wakil MPC ke PKINK pada 15 September 2008



Lawatan kedua wakil MPC ke PKINK pada 20 Oktober 2008



Kursus audit amalan 5S oleh Wan Hassan Wan Kadir wakil MPC pada 9 November 2008



Lawatan sambil belajar 5S ke PTJ Bachok, PTJ Tanah Merah dan MPKB-BRI pada 19 November 2008



Lawatan ketiga wakil MPC ke PKINK pada 10 Disember 2008.



Lawatan sambil belajar 5S ke SSM Pulau Pinang pada 11 - 13 Disember 2008



Lawatan keempat wakil MPC ke PKINK pada 17 Disember 2008



Lawatan kelima wakil MPC ke PKINK pada 24 Disember 2008



Lawatan pra-audit pada 28 Disember 2008



Antara penonton yang hadir menyaksikan perlawanan



Penonton hanya dapat melihat melalui jaring je!



Bukan merusuh, penonton tak mahu berganjak!



Kalah pada perlawanan separuh akhir juga mendapat hadiah.



Pasukan Kota Darulnaim muncul Johan setelah mengalahkan Pasukan PKINK 3-2



Perlawanan futsal memerlukan kemahiran bermain yang tinggi



Perlawanan berlarutan sehingga tengah malam

# SUKAN MUSIM TENGKUJUH ANJURAN PKINK



Bergambar kenangan sebelum perlawanan akhir bermula



Siapa yang menang? siapa yang kalah?



PKINK 7



Ketua Eksekutif PKINK diperkenalkan kpd pemain sebelum perlawanan akhir



Pasukan PKINK bergambar bersama Pasukan Kota Darulnaim sebelum perlawanan akhir



Daripada 16 regu peserta Kelantan, hanya satu regu saja yang layak ke pusingan suku akhir



Pasukan Melayu Kelantan sekadar berpuas hati tempat kedua



Ketua Eksekutif mencadangkan kejohanan ini dijadikan acara tahunan

**Kota Bharu** - Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menganjurkan tiga kejohanan sukan musim tengkujuh, ini bertujuan menghangatkan suasana sempena tahun melawat Kelantan. Biasanya bulan November dan Disember, Kelantan selalunya dikaitkan dengan musim tengkujuh, dan pelancong tidak berminat untuk ke Kelantan. Dengan berlangsungnya kejohanan ini Wan Yahya berharap minat pengunjung ke Kelantan tidak akan berubah.

Kejohanan bermula dengan acara Futsal Terbuka PKINK pada 21 hingga 22 November 2008 di Arena Futsal, Pengkalan Chepa, diikuti Kejohanan Karom Terbuka Kelantan pada 22 hingga 23 November 2008 bertempat di Dewan Perkumpulan Wanita, Jalan Mahmood, Kota Bharu dan diakhiri dengan kejohanan Badminton Jemputan PKINK pada 27 hingga 29 November 2008.

Kejohanan Futsal Terbuka PKINK menawarkan jumlah hadiah keseluruhan bernilai RM6,800.00. Kejohanan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dimana sebanyak 70 pasukan telah menyertainya termasuk dua pasukan dari selatan Thailand, empat dari Terengganu, Melaka dan Kuala Lumpur masing-masing satu pasukan. Pada perlawanan akhir, pasukan DJ Square dari Terengganu telah mengalahkan pasukan Berek 12 dengan 2-1 dalam satu perlawanan yang cukup dramatik. Sebelum itu masing telah melepasi perlawanan separuh akhir dengan DJ Square mengalahkan Faris Fret 3-1 dan Berek 12 menumpaskan Petronas Demit 4-1.

## PKINK ANJUR SUKAN MUSIM TENGGUJUH



DJ Square membawa pulang hadiah tunai RM3,000.00 bersama medal dan piala pusingan, tunai RM2,000 serta medal. Tempat ketiga bersama menjadi milik Faris Fret dan Petronas Demit yang masing-bawa pulang RM500. Kesemua hadiah telah disampaikan oleh Tuan Haji Wan Wahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif PKINK.

Kejohanan Karom Terbuka Kelantan disertai 99 peserta mewakili pelbagai agensi kerajaan dan swasta dari setiap negeri. Walaupun permainan kerom di Kelantan hanyalah sekadar permainan memenuhi masa lapang, namun penglibatan dari peserta Kelantan begitu baik, seramai 32 peserta Kelantan telah menyertai kejohanan tersebut. Permainan yang berlangsung selama 2 hari ini diadakan dalam acara perseorangan dan beregu.

Dalam acara perseorangan Zukiman Zainol dari Universiti Utara Malaysia muncul johan dengan membawa pulang RM1,000.00, manakala naib johan En. Wahab dari Kelab Bata Merah, Pulau Pinang menerima RM700.00, tempat ketiga Syed Yazid dari Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah menerima RM400 dan keempat RM200 dimenangi Zainul Rashid dari Kulim Hi Tech. Bagi acara beregu, regu adik beradik Syed Yazid dan Sharifah Noordiyana dari Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah muncul johan dengan mengalah regu Zukiman dan Rahim dari UUM, masing-masing membawa pulang hadiah RM2,000.00 dan RM1,400.00. Tempat ketiga dimenangi dari regu Universiti Malaya Wan Mohd Ariff dan Ikmal Faizal dan tempat keempat pasangan Jaafarullah dan Mohammad dari Kelab Bata Merah. Masing-masing membawa pulang hadiah berjumlah RM800.00 dan RM400.00. Semua hadiah disampaikan oleh Tuan Haji Wan Wahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif PKINK.

Kejohanan Badminton Jemputan PKINK memperlihatkan perlawanan dalam dua kategori, iaitu jemputan Jabatan yang terdiri dari Jabatan-Jabatan Kerajaan di Kelantan, yang terdiri dari 12 pasukan. Permainan ini diadakan secara liga kumpulan dimana dua pasukan teratas dari tiap kumpulan akan bermain secara kalah mati di pusingan seterusnya. Sekali lagi pasukan PKINK terpaksa akur dengan kehebatan pasukan lawan, apabila tewas pada pasukan Kota Darulnaim 2-3 pada perlawanan akhir. Manakala tempat ketiga dan keempat dimenangi pasukan Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pelajaran. Pemenang masing-masing membawa pulang hadiah berupa barangan yang bernilai keseluruhannya RM5,300.00.

Untuk pertama kalinya PKINK mengadakan kejohanan jemputan negeri kepada pemain badminton Melayu dari negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Dua negeri terpaksa menarik diri disaat akhir iaitu Kedah dan Perak. Pada kategori jemputan negeri, Pasukan Melayu Selangor unggul dengan mengalahkan Kelantan pada perlawanan akhir, dan meraih hadiah wang tunai RM2,000.00 dan barangan, manakala pasukan Melayu Kelantan sekadar berpuashati ditempat kedua dengan meraih wang tunai RM1,000.00 dan barangan. Tempat ketiga dimenangi pasukan Melayu Pulau Pinang dengan membawa balik wang tunai RM500.00 dan barangan. Semua hadiah disampaikan oleh Tuan Haji Wan Wahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif PKINK.





Perjumpaan Wan Yahya dengan anggota KPK di Perdana Resort pada 21/11/2008




Kunjungan Wan Yahya ke Perdana Resort pada 20/11/2008

## PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI



Kunjungan Wan Yahya ke pejabat Kelkon pada 16/11/2008

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), bermula 1 Disember 2008 telah bertukar Ketua Eksekutif yang sebelum ini diketuai Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh, dan kini diganti oleh Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah, yang sebelum itu bertugas sebagai Pengurus Besar Permodalan Kelantan Bhd (PKB) anak syarikat PKINK.



Kunjungan Mohd Sabri ke pejabat Kelkon pada 12/12/2008

Wan Yahya Wan Salleh, semasa lawatan perpisahan menekankan, betapa pentingnya semangat kerja berpasukan dalam Kumpulan PKINK bagi memastikan ekonomi Islam terus kukuh dengan berlandaskan sistem yang diamalkan di negeri ini. Sementara itu dalam rangka lawatan Mohd Sabri Abdullah ke syarikat anak, beliau menekankan beberapa bidang utama yang diceburi PKINK seperti perladangan, perumahan dan perkhidmatan akan diteruskan.



Kunjungan Wan Yahya ke pejabat Prokel pada 18/11/2008



Kunjungan Wan Yahya ke pejabat PKB pada 17/11/2008



Kunjungan Wan Yahya ke Binaraya pada 18/11/2008



Kunjungan Mohd Sabri ke pejabat Prokel pada 12/12/2008



Kunjungan Wan Yahya ke pejabat KPKB pada 16/11/2008



Kunjungan Wan Yahya dan Mohd Sabri ke pejabat SLST pada 25/11/2008



Kunjungan Mohd Sabri ke pejabat KPK pada 12/12/2008

**LAWATAN**

## SAMBIL BELAJAR PROGRAM 5S KE PULAU PINANG

11 - 13 Disember 2008. Sempena program amalan 5S peringkat PKINK, satu lawatan sambil belajar ke Pulau Pinang telah diadakan. Rombongan seramai 45 orang itu terdiri daripada ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras, Jawatankuasa Latihan, Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa Audit dan juga wakil-wakil dari setiap zon.

Rombongan yang diketuai Tuan Haji Nik Mohamed Kamal Nik Yusoff (Pengurus MIS), bertolak dari Kota Bharu pada 11 Disember 2008 dengan sebuah bas dan sebuah van. Rombongan menginap di Pearl View Hotel, Seberang Prai, Pulau Pinang. Pada 12 Disember rombongan telah melawat Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Cawangan Pulau Pinang serta mendengar taklimat dan meninjau amalan 5S di Jabatan tersebut. Selama 3 jam di SSM, selain mendengar taklimat rombongan di bawa melawat sekitar pejabat SSM untuk melihat dan mempelajari lebih dekat konsep pelaksanaan 5S di sana. Rata-rata sangat berpuas hati dan akan menjadikan SSM sebagai salah satu model dalam pelaksanaan 5S di PKINK.

Pada sebelah petang, rombongan telah melawat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Pulau Pinang (PDC). Selama 2 jam di PDC, rombongan diberi taklimat mengenai peranan PDC dalam pembangunan negeri Pulau Pinang, kemudiannya dibawa melawat ke ruang pameran projek-projek PDC yang sedang dan dalam pembinaan di seluruh negeri Pulau Pinang.

Selama dua hari dua malam di Pulau Pinang, anggota PKINK dapat menimba sedikit sebanyak pengetahuan mengenai amalan persekitaran kerja yang berkualiti dan juga peranan dan sumbangan individu dan organisasi di dalam memajukan ummah.



Perjalanan dengan bas mengambil masa kira-kira 6 jam dari Kota Bharu ke Seberang Prai



Rombongan bergambar kenangan di ruang lobi bangunan PDC



Rombongan mendengar taklimat yang disampaikan wakil PDC



Taklimat dan lawatan di sekitar SSM



Rombongan bergambar kenangan di depan Pejabat SSM

## AMAR MA'RUF DAN NAHLI MUNKAR

oleh

Mokhtar Hassan pada 14 Disember 2008



Ketahuiilah bahawasanya amar ma'ruf ( menyuruh melakukan kebaikan ) dan nahi munkar ( mencegah melakukan kejahatan) adalah puncak tertinggi dalam agama. Ia merupakan suatu soal yang amat penting sekali, yang kerananya Allah s.w.t telah mengutus para Nabi sekalian.

Di dalam hal ini Allah mewajibkan kita menjalankan amar ma'ruf nahi munkar, sebagaimana Allah berfirman: Yang bermaksud:  
"Wajiblah ada di antara kamu suatu ummat (golongan) yang menyeru (manusia) kepada melakukan kebaikan, menyuruh berbuat yang baik dan melarang berbuat yang jahat. Mereka itulah orang yang berjaya (bahagia)".

Surah ali-Imran ayat 104

Allah s.w.t. telah mensifatkan orang-orang yang beriman itu sebagai orang-orang yang menyuruh mengerjakan kebaikan, maka dengan itu sesiapa yang meninggalkan tugas menyuruh membuat yang baik itu terkeluarlah ia daripada golongan orang-orang yang disifatkan oleh Allah s.w.t. dalam ayat tersebut sebagai orang yang beriman.

## HIJRAH

oleh

Mohd Ghazali Mahmood pada 28 Disember 2008

Kita di ambang tahun 1430H bermakna tahun 1429H akan meninggalkan kita dengan segala suka duka. Jadi esok kita akan menyambut tahun baru Islam yang sangat popular disebut tahun Hijriah. Khalifah Omar b. Khattab r.a telah menetapkan perhitungan tahun baru Islam yang sangat popular ini bermula dari Hijrah Rasulullah s.a.w dari Kota Mekah ke Madinah pada tahun 622 M.

Adapun tujuan Omar memilih peristiwa Hijrah Rasulullah s.a.w dari Mekah ke Madinah adalah suatu menentukan yang paling tepat untuk memutuskan awal tahun Islam, kerana ianya mengandungi makna yang sangat penting bagi umat Islam khususnya dan bagi umat manusia umumnya.

Sayugialah bagi kita semua bahawa kita juga diperintah untuk berhijrah sebagaimana baginda Rasulullah s.a.w diperintahkan berhijrah. Hijrah yang kita lakukan sekarang ini adalah disebut hijrah Qalbiah, yakni berusaha meningkatkan kualiti diri iaitu berusaha supaya masa depan kita lebih baik dari kelmarin dan hari esok lebih baik dari hari ini. Dengan hijrah Baginda juga marilah kita jadikan pendorong untuk melakukan hijrah dari kemaksiatan menuju ketaatan, kemusyrikan menuju ketauhidan, kebodohan menuju kemajuan dan kemiskinan menuju kecukupan.



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

فريداينن كما جوارنا اقتصادي كلنتن



# PROJEK KUMPULAN PKINK

Penggerak Pembangunan Ummah

## 50 UNIT

### Rumah Teres 2 Tingkat (FASA 5A)

## Taman Zuniah Jaya

Harga dari  
RM 195,900  
& ke atas  
Bersih

Jenis Anggun



Jenis Bergaya

Harga dari  
RM 193,900  
& ke atas  
Bersih



PROJEK AKAN DATANG

PELAN TAPAK

#### SEBAB UTAMA PEMBELIAN MELALUI KAMI :

- ✓ Anak Syarikat PKINK (Semua Urusan dijamin)
- ✓ Pemaju Berwibawa
- ✓ Harga Jual Bersih
- ✓ Tempahan : 1% daripada harga jualan
- ✓ Urus Reseal Pinjaman Perumahan (Kerajaan / Institut Kewangan)
- ✓ Khidmat Nasihat Pengeluaran KWSP
- ✓ PERCUMA - Kos Guaman
- ✓ PERCUMA - Bayaran Pinjam Milik & Gajilan
- ✓ Jualan juga dibuka kepada orang Melayu bukan kelahiran Kelantan

Untuk Pertanyaan Atau Tempahan Sila Hubungi Terusi

**Profil Impian** sdn. Bhd. (307035 - A)

PT 747, Bangunan Binaraya, Jalan Abdul Kadir Adabi Berek 12, 15200 Kota Bharu, Kelantan.

TEL: 09-7414455 / 09-7414465 Fax: 09-7414450

Laman Web : [www.profilimpian.com.my](http://www.profilimpian.com.my) Email : [marketing@binaraya.com.my](mailto:marketing@binaraya.com.my)

